

SOALAN - SOALAN LAZIM (FAQ)
SPS PRIHATIN WANITA
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)
BIL. 1 / 2021 | 31 MAC 2021

- 1. Apakah itu SPS Prihatin Wanita di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA)?**
 - **SPS Prihatin Wanita** adalah bantuan Kerajaan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) pada 17 Mac 2021 bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial di bawah **Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), PERKESO** yang dikhususkan kepada semua wanita yang bekerja sendiri daripada pelbagai sektor informal.
- 2. Siapakah kumpulan Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang disasarkan untuk menerima inisiatif Kerajaan di bawah SPS Prihatin Wanita ini?**
 - Kumpulan sasaran OBS di bawah SPS Prihatin Wanita adalah semua usahawan wanita atau wanita yang bekerja sendiri dengan jumlah sasaran penerima seramai 60,000 orang.
 - Terbuka kepada semua pekerjaan informal.
- 3. Apakah pelan caruman Keselamatan Sosial yang disediakan oleh PERKESO di bawah Program SPS Prihatin Wanita ini?**
 - Pelan caruman yang ditetapkan untuk program SPS Prihatin Wanita ini adalah di bawah Caruman Pelan Kedua – RM232.80 / setahun.
- 4. Bilakah tarikh mula dan akhir bagi permohonan program SPS Wanita?**
 - Tarikh mula permohonan adalah pada **1 April 2021** manakala tarikh akhir permohonan adalah pada **31 Disember 2021**.

5. Berapah bantuan kerajaan yang disalurkan kepada OBS melalui caruman SKSPS ini?

- Bantuan Kerajaan ini berbentuk pembiayaan caruman sebanyak 70% (RM163.00) daripada Kerajaan manakala 30% (RM69.80) dibayar oleh Orang Bekerja Sendiri (OBS).
- Tempoh perlindungan adalah selama setahun (12 bulan).

6. Apakah syarat-syarat yang melayakkan OBS untuk mendapatkan manfaat di bawah inisiatif Kerajaan ini?

- i. Bertaraf warganegara Malaysia / permastautin tetap tanpa mengira had umur
- ii. Bekerja sendiri untuk mencari nafkah dan terbuka kepada semua pekerjaan informal
- iii. Bekerja sepenuh masa atau separuh masa
- iv. OBS bekerja di Malaysia
- v. OBS adalah seorang wanita

7. Adakah OBS dibenarkan membuat caruman lebih daripada satu sektor?

- Ya. OBS dibenarkan membuat caruman lebih daripada satu sektor selagi mereka masih aktif bekerja di dalam sektor berkenaan.

8. Apakah jenis faedah yang disediakan di bawah Program SPS Prihatin Wanita ini?

- OBS yang ditimpa kemalangan terbit akibat bencana pekerjaan atau penyakit pekerjaan di bawah Program SPS Prihatin Wanita ini, beliau layak untuk mendapat manfaat faedah di bawah kadar Caruman Pelan Kedua (Pelan 2). Faedah yang disediakan adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Faedah SKSPS yang disediakan bagi Program SPS Prihatin Wanita

| Jenis Faedah | Manfaat Diperolehi |
|--|--|
| Faedah Perubatan | Bayaran percuma di mana-mana klinik panel PERKESO atau hospital Kerajaan |
| Faedah Hilang Upaya Sementara (HUS) | Bayaran sebanyak RM41.33* sehari (80% daripada pendapatan bulanan yang diinsuranskan) <i>*Minimum tuntutan adalah 4 hari MC termasuk hari kemalangan</i> |
| Faedah Hilang Upaya Kekal (HUK) | Kadar 90% daripada pelan pendapatan yang diinsuranskan dan tertakluk kepada faktor umur dan taksiran peratus hilang upaya kekal |
| Faedah Orang Tanggungan | Bayaran sebanyak RM1,395* sebulan sepanjang hayat (90% daripada pendapatan bulanan yang diinsuranskan) <i>*Tertakluk kepada kategori orang tanggungan</i> |
| Elaun Layanan Sentiasa | Bayaran RM500 sebulan kepada OBS yang tidak berdaya akibat bencana pekerjaan sehingga memerlukan layanan oleh orang lain. |
| Faedah Pengurusan Mayat | Bayaran sebanyak RM2,000 kepada orang tanggungan OBS |
| Faedah Pendidikan | Faedah berbentuk pinjaman/biasiswa kepada anak OBS yang layak |
| Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional | Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional secara percuma seperti fisioterapi, anggota tiruan, kerusi roda dan kursus/latihan kemahiran |

**Sampel di atas merujuk kepada faedah yang terbit akibat bencana pekerjaan di bawah pelan caruman RM 232.80 setahun.*

9. Apakah dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran di bawah SKSPS?

- Salinan kad pengenalan
- Surat pelantikan / pengesahan kerja / platform penyedia perkhidmatan / profil P-Hailing / lesen PBT / lesen perniagaan / lesen dari Badan Berkanun atau yang berkaitan / permit / sijil pendaftaran SSM.

10. Bagaimanakah OBS boleh membuat pendaftaran dan caruman SPS Prihatin Wanita?

- OBS boleh membuat pendaftaran dan caruman SPS Prihatin Wanita dengan hadir di 54 buah kaunter pejabat PERKESO di seluruh negara tanpa melalui platform penyedia perkhidmatan / agensi / pertubuhan.
- Bayaran caruman boleh dibuat menggunakan tunai atau *Electronic Fund Transfer (EFT)* melalui Maybank dengan no akaun 5644 2752 0500 .
- Bagi OBS yang membuat bayaran secara *EFT*, OBS dikehendaki mengisi no kad pengenalan dan nombor telefon pada ruangan rujukan sebelum melakukan transaksi bayaran serta mengemukakan resit bayaran sebagai bukti bayaran kepada anggota PERKESO bagi mengaktifkan caruman.
- Tempoh perlindungan selama 12 bulan (1 Tahun) bagi OBS yang membuat bayaran secara *EFT* adalah tertakluk kepada tarikh dan masa penerimaan resit bayaran kepada anggota PERKESO (waktu bekerja).

11. Bagaimanakah OBS boleh membuat semakan pendaftaran caruman?

- OBS yang dicarumkan akan menerima notifikasi caruman melalui emel dalam tempoh 24 jam selepas caruman di aktifkan oleh anggota PERKESO.
- OBS boleh log masuk ke dalam Sistem MATRIX PERKESO bagi melihat status caruman.
- Semakan caruman boleh juga dibuat melalui 54 kaunter pejabat PERKESO di seluruh negara.
- Sekiranya tidak menerima sebarang notifikasi dalam tempoh 24 jam, OBS perlu menghubungi PERKESO di talian hotline 1-300-22-8000 atau e-mel kepada perkeso@perkeso.gov.my.

12. Bilakah tarikh berkuatkuasa inisiatif SPS PRIHATIN WANITA ini?

- Inisiatif Kerajaan ini berkuatkuasa mulai 1 April 2021 sehingga 31 Disember 2021.

13. Bilakah tarikh perlindungan SKSPS bermula?

- Tempoh perlindungan **selama 12 bulan** (1 Tahun) bagi OBS yang menyertai program ini adalah tertakluk kepada tarikh dan masa pendaftaran serta bayaran caruman yang telah disahkan oleh pihak PERKESO.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian **1-300-22-8000** atau e-mel kepada **perkeso@perkeso.gov.my**

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

31 MAC 2021